



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 6486
E-mel : ukk@kpdn.gov.my

PELAKSANAAN OPS PANTAU 2026 MENJELANG RAMADAN DAN HARI RAYA AIDILFITRI

Menjelang bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan OPS Pantau. Pelaksanaan OPS Pantau ini akan bermula pada 19 Februari sehingga 20 Mac 2026, iaitu sepanjang tempoh bulan Ramadan.

Skop pelaksanaan OPS Pantau ini akan memberi tumpuan kepada pemeriksaan dan pemantauan secara lebih kerap dan bersasar ke atas:

- i. bekalan dan harga barang yang menjadi tumpuan rakyat pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri antaranya gula, ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, barang basah dan barangan untuk membuat kuih-muih. Langkah ini memastikan barangan yang dijual mempunyai tanda harga, tidak berlaku pencatutan serta barang kawalan dijual mengikut harga diwartakan Kerajaan. Ini termasuk barangan yang tersenarai di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Aidilfitri 2026;
- ii. premis perniagaan yang mengadakan jualan murah supaya tidak berlaku iklan mengelirukan pengguna;
- iii. bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri supaya tidak ada aktiviti penjualan barang-barang tiruan; dan
- iv. penjualan secara dalam talian yang bertentangan dengan undang-undang yang berkuatkuasa.

Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh negara akan ditugaskan di lokasi strategik dan tempat sasaran seperti bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar pagi, pasar malam, pasar tani, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan penjualan secara dalam talian bagi melaksanakan pemeriksaan serta penguatkuasaan dan melindungi pengguna daripada peniaga yang tidak beretika.

Dalam masa yang sama, KPDN akan menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan para peniaga di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh pelaksanaan OPS Pantau ini. Mana-mana peniaga yang didapati melakukan kesalahan akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] serta boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) Kesalahan gagal meletakkan tanda harga:
 - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM50,000 atau dikompaun sehingga RM25,000; dan
 - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM100,000 atau dikompaun sehingga RM50,000.
- (ii) Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:
 - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
 - (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;
- (iii) Kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:
 - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
 - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Untuk rekod, sebanyak 70,906 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara pada OPS Pantau 2025. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 390 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM42,878.52.

KPDN meminta kerjasama orang ramai yang juga merupakan sebahagian daripada gerakan massa di bawah kempen KITA GEMPUR untuk memaklumkan kepada KPDN sekiranya berlaku salah laku oleh mana-mana pihak berhubung ketidakpatuhan melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Call Centre 1-800-886-800;
- iii. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Papar, Sabah
15 Februari 2025

